

# Pegawai UMS-KAL tanam pokok sempena 11.11.11

NST 13/11/2011 8

LABUAN : Sebanyak 14 pokok telah ditanam oleh pegawai Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sebagai memperingati tarikh 11.11.11 di pekarangan Masjid Al-Hikmah, universiti itu, petang Jumaat.

Penanaman pokok itu diketuai oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang yang menanam pokok cempaka.

Seramai 14 ketua bahagian dan wakil Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) telah menanam pokok bunga raya, bunga jasmin dan cempaka.

Turut menanam pokok itu ialah Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Kamisah Husin, Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lim Kian Ping dan

Ketua Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan, Jorin Matawas.

Prof Dr Shariff berkata angka 14 adalah simbolik jumlah negeri-negeri di negara ini termasuk Wilayah Persekutuan.

Selain itu, katanya, ianya juga sebagai tanda perpaduan, persefahaman dan kejituan pegawai yang dibantu kakitangan sokongan dalam usaha mereka menaikkan nama UMS-KAL dalam pelbagai-bidang terutama pendidikan bertaraf antarabangsa.

"Pokok itu adalah simbol kejayaan pegawai dan kakutangan serta pelajar membangunkan UMS-KAL selama ini termasuk memberikan khidmat kepada masyarakat setempat di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

**-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**



**SIMBOLIK ...**  
Prof Dr Shariff (bersongkok) menurunkan tandatangan pada plag sebagai simbolik penanaman pokok sambil diperhatikan oleh para pegawai di pekarangan Masjid Al-Hikmah sempena tarikh 11.11.11